

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI

**DARIPADA : YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 18 JULAI 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB Datuk Andi Muhammad Suryady Bin Bandy [Kalabakan] minta **Menteri Sumber Asli & Kelestarian Alam** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian bagi mengatasi krisis manusia dan haiwan khususnya spesis terancam seperti Gajah Borneo dan buaya di Kalabakan yang semakin membimbangkan dan apakah mekanisme menang-menang bagi melestarikan semula situasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MITIGASI KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR (GAJAH)

1. **Pemasangan Kolar Gajah**- Pemasangan kolar gajah ini berfungsi supaya kawanan gajah yang dipasang dapat dipantau kawasan keliran dan pergerakan gajah.
2. **Pemasangan Pagar Elektrik**- Untuk mengurangkan kemasukan gajah ke kawasan ladang terutama pokok yang masih kecil dan kawasan kampung/komuniti.
3. **Koridor Hidupan Gajah**- Koridor hidupan gajah adalah kawasan yang dikenal pasti dan dilindungi untuk membolehkan gajah bergerak dari satu habitat ke habitat lain tanpa gangguan manusia. Ini membantu mengurangkan kemungkinan konflik antara gajah dan manusia sebagai contoh di Koridor Hidupan Liar di Brumas Sabah Softwood Sdn.Bhd.
4. **Mesyuarat *Task Force Human Elephant Conflict*** - Tujuan utama penubuhan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan perkara berkaitan dengan pengurusan konflik gajah di setiap ladang dan pemegang taruh yang terlibat seperti Badan Bukan Kerajaan/Pengusaha ladang/pekebun kecil/komuniti kampung.
5. **Tangkap Pindah** - menjalankan operasi tangkapan dan pemindahan gajah ke kawasan lebih selamat. Ini merupakan jalan terakhir kerana ia melibatkan kos operasi yang tinggi dan kekurangan kawasan yang dapat memastikan gajah tidak kembali ke lokasi asal dipindahkan.
6. ***Community Elephant Rangers Team (CERTs)***- Penubuhan CERTs dan melantik komuniti dan di dilatih dalam pengurusan gajah dan membantu Jabatan dalam menangani konflik hidupan liar-manusia.

MITIGASI KONFLIK MANUSIA-HIDUPAN LIAR (BUAYA)

- 1. Pemasangan papantanda “Awat Ada Buaya** - Pemasangan di kawasan sungai yang mempunyai aduan dan populasi buaya. Ini untuk bertujuan supaya penduduk kampung atau pengguna sungai sentiasa berhati-hati semasa menjalankan atau menggunakan sungai tersebut.
- 2. Pemasangan Perangkap/Pancing** -Pemasangan perangkap/pancing di kawasan berdekatan dengan kampung/komuniti untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini.
- 3. Operasi Menembak Buaya** - Operasi menembak dikawasan yang berisiko tinggi dan kawasan yang mempunyai populasi yang tinggi (berdasarkan kepada pemerhatian dilapangan)
- 4. Mencadangkan Kepada Penduduk Kampung Untuk Membina Jeti/Pelantar untuk Mendapatkan Sumber Air** - Penduduk yang tidak mendapat sumber air daripada kerajaan dan masih bergantung penuh kepada sumber air sungai.
- 5. Aktiviti Kesedaran Awam** - Menjalankan aktiviti kesedaran awam di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi mempunyai habitat buaya dan penerangan berkaitan dengan konservasi buaya.
- 6. Penubuhan Jawatankuasa Khas Konflik Hidupan Liar-Manusia (Buaya)**- Dipengerusikan oleh Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, jabatan ketua Menteri untuk melakukan operasi di kawasan yang dikenalpasti mendatangkan konflik dan ancaman serangan buaya. Sehingga 8 Julai 2024, sebanyak 91 operasi telah dijalankan diseluruh Sabah termasuk 3 operasi dijalankan di Daerah Kalabakan.

Sekian, terima kasih.